

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DARI ARAU KE MENGGATAL¹
: LIMA PULUH TAHUN TRANSFORMASI PENDIDIKAN BAGI
MENINGKATKAN TARAF BUMIPUTERA

Oleh
Shaharuddin Badaruddin² & Zurina Md. Nen³

Abstract

One of the social functions of education is the provision of an opportunity for social mobility especially for the poor and the deprived group of the society. It is believed that through education a society is able to transform itself by creating a big layer of those in the middle class which forms a stabilizing factor for the economic and political development of a nation. Universiti Teknologi MARA (UiTM) is such an institution which shoulders the responsibility of assisting those from the lower socio-economic class to uplift themselves and their families. It is one of Malaysia's success stories in affirmative action. This article explains its origin and its roles in the social transformation of the Malays and other bumiputeras who form the majority of the population of Malaysia but are economically backward upon the threshold of independence. This paper also examines its relationship to rural development and ethnic relation in Malaysia.

Pengenalan

Dasar Pembangunan Negara semenjak mencapai kemerdekaan bukan sahaja mengambil pertimbangan ekonomi, tetapi juga mencakupi aspek-aspek yang lain. Dasar Ekonomi Baru sebagai contohnya adalah dasar yang mencakupi aspek-aspek politik, sosial dan juga pertimbangan penyeimbangan seluruh lapisan masyarakat. Begitu juga Dasar Pembangunan Negara yang ditunjangi oleh Dasar Wawasan 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang maju dari perspektif yang menyeluruh merangkumi semua dimensi dan aspek kehidupan manusia, bukan saja dari sudut ekonomi, tetapi juga politik, sosial, psikologi, kerohanian dan kebudayaan (Mahathir, 1991).

¹ Arau adalah cawangan UiTM Perlis manakala Menggatal cawangan UiTM Sabah.
² Prof Madya, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara.

Emel: pmshahar@salam.uitm.edu.my

³ Pensyarah, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA.

UiTM yang ditubuhkan atas matlamat yang khusus untuk meningkatkan taraf pendidikan golongan bumiputera semenjak ditubuhkan atas nama Maktab RIDA dalam tahun 1957 dan kemudiannya bertukar kepada Institut Teknologi Mara dalam tahun 1970an dan akhirnya terangkat menjadi sebuah universiti pada tahun 2001, pengujudannya sepanjang sejarah sememangnya mempunyai kaitan secara langsung dengan mengimbangi sosio-ekonomi dan politik negara. Ini boleh dilihat dari pelbagai aspek seperti pendidikan, ekonomi, sosio-politik, dasar luar bandar dan proses membasmi kemiskinan.

Tindakan Afirmatif Melalui Pendidikan

Banyak perlembagaan di negara-negara tertentu memberikan kelebihan kepada kelompok-kelompok tertentu supaya masyarakat yang terpinggir akan berjaya diselesaikan secara ekonomi, sosial dan budaya. Tanggungjawab tersebut diletakkan di bahu sebuah negara atau kerajaan untuk mengurangkan kalau tidak menghapuskan jurang antara kelompok-kelompok tadi. Falsafah akan konsep ini adalah dengan satu kepercayaan bahawa cuma negara saja yang mampu untuk mempromosikan kebajikan sosial dan ekonomi kepada mereka yang masih terpinggir.

Tindakan afirmatif di Malaysia mengambil pelbagai pendekatan. Yang pertamanya adalah keistimewaan kepada kelompok yang dari segi politiknya dominan tetapi agak kebelakang dari segi ekonomi. Keduanya adalah mempertahankan hak orang-orang asli. Ketiganya mempertahankan hak komuniti asli di Sabah dan Sarawak. Keempatnya memberikan hak istimewa kepada kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kurang membangun terutamanya di Sabah dan Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain yang lebih di Semenanjung Malaysia.

Hak Keistimewaan Melayu sepertimana yang terdapat dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memberikan hak kepada orang Melayu (termasuk Bumiputera di Sabah dan Sarawak). Yang Dipertuan Agong dalam proses untuk mempertahankan Perkara 153 mempunyai peruntukan untuk memastikan keistimewaan itu dijamin seperti peruntukan tentang

1. kedudukan dalam perkhidmatan awam
2. biasiswa, pendidikan dan latihan ataupun kemudahan sepertimana peruntukan dalam Kerajaan Persekutuan
3. permit atau lesen yang berkaitan dengan apa saja perdagangan atau perniagaan dan juga tempat untuk orang-orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak dari segi pendidikan tinggi (Shad Saleem Faruqi, 2003).

Polisi tindakan afirmatif tergambar dalam peranan yang dimainkan oleh UiTM dalam beberapa konteks;

- a. Menghapuskan kaitan yang stereotaip antara kaum dan pekerjaan.
- b. Sebagai proses untuk membayar ganti rugi sejarah (*historical debt*) di mana golongan bumiputera telah tertinggal jauh dalam bidang pendidikan kerana polisi yang telah ditetapkan oleh penjajah yang menumpu kepada pendidikan dalam bandar dan memfokus kepada kelompok aristokrat sahaja
- c. Meningkatkan taraf pendidikan orang-orang Melayu dan bumiputera yang tertinggal terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar dari segi ekonomi, pendidikan dan sosial.
- d. Menjadikan pendidikan sebagai wahana untuk meningkatkan taraf mobiliti dari segi sosial.

Sememangnya polisi bumiputera hanya berkembang dengan pesat selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, tetapi benih dalam mempertahankan polisi in ujud semenjak zaman kolonial lagi.

Golongan nasionalis Melayu merasa tidak puas hati dengan perkembangan orang Melayu terutamanya selepas kemerdekaan. Percubaan telah dibuat oleh golongan elit Melayu untuk meningkatkan dan mempercepatkan kemajuan ekonomi orang Melayu. Pengambilalihan RIDA (*Rural Industrial Development Authority*) adalah contoh terbaik satu percubaan untuk memajukan orang Melayu. Objektif RIDA pada peringkat awal bertujuan untuk membantu masyarakat luar bandar dan juga usahawan Melayu untuk memiliki modal dan ketrampilan dengan tujuan untuk melibatkan diri dalam perniagaan dan perdagangan. Namun pada peringkat awal RIDA hanya berupaya untuk menjadikan orang Melayu lebih baik sebagai peladang dan petani dan menjadikan kehidupan mereka lebih terjamin berbanding dengan ibu-bapa mereka. Sudah tentu aspirasi ini tidak memenuhi kehendak kelompok golongan nasionalis yang inginkan orang Melayu berjaya dalam segenap aspek kehidupan terutamanya bidang-bidang yang masih gagal untuk ditembusi oleh masyarakat Melayu.

Perkembangan Sejarah UiTM

Sejarah telah membuktikan bahawa penubuhan UiTM sebagai sebuah institusi pendidikan pada hari ini adalah merupakan cetusan para pemimpin negara yang terdahulu, terutamanya Perdana Menteri kedua Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak. UiTM hari ini telah lahir bersama-sama misi negara yang pada masa itu, memberi fokus kepada usaha terhadap membangunkan taraf sosio-ekonomi kaum bumiputera di negara ini.

Bermula sebagai sebuah pusat latihan yang dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA (1956-1965), kemudian bertukar kepada Maktab MARA (1965-1967) dan Institut Teknologi MARA (1967-1999), kemudian diangkat statusnya menjadi sebuah universiti pada 26 Ogos 1999, UiTM terus menjadi aspirasi negara untuk membangunkan bumiputera, seterusnya menjadi pemangkin bagi menjana kesemua sumber yang ada bagi melahirkan dan melipatgandakan jumlah graduan bumiputera yang terlatih dalam pelbagai bidang.

Fasa Pertama: Dewan Latehan RIDA (1956-1965)

Dewan Latihan RIDA telah ditubuhkan ekoran lawatan Allahyarham Dato' Onn Jaafar dan Allahyarham Tun Abdul Razak ke Ceylon (kini Sri Lanka) untuk program pembangunan dalam negeri pada tahun 1951. Satu kertas kerja lawatan tersebut telah dikemukakan berserta maklumat penubuhan RIDA dan objektifnya untuk membangunkan serta meningkatkan taraf ekonomi masyarakat luar bandar.

Hasil lawatan tersebut telah direalisasikan dengan tertubuhnya dua pusat utama iaitu Taman Asuhan RIDA (Kuala Lumpur) dan Dewan Latihan RIDA (Petaling Jaya) di bawah naungan dari segi pentadbiran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Industri, yang pada masa itu diterajui oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Dewan Latihan inilah yang merupakan titik permulaan kepada perjalanan bersejarah UiTM yang ada pada hari ini.

Dewan Latihan RIDA ini telah ditubuhkan pada November 1956 di Jalan Othman, Petaling Jaya dan telah dirasmikan pada 14 Febuari 1957. Sejak mula beroperasi, Dewan Latihan ini telah berperanan sebagai pusat percubaan yang menawarkan kursus persediaan untuk remaja luar bandar yang berorientasikan pendidikan Inggeris. Pelbagai kursus telah ditawarkan oleh Dewan Latihan termasuk beberapa kursus profesional yang ditawarkan oleh badan antarabangsa seperti *London Chamber of Commerce, Australian Chartered Secretaryship, Australian Society of Accounts and British Institute of Management*, di samping menawarkan kursus dua bulan untuk peniaga-peniaga kecil.

Dewan Latihan ini telah melakarkan sejarahnya yang tersendiri dalam sumbangannya kepada pembangunan kaum Bumiputera apabila pada tahun 1964, Dewan Latihan RIDA telah berjaya melahirkan 50 orang graduan pada majlis konvokesyennya yang pertama dan penganugerahan sijil tersebut pula telah disempurnakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Fasa Kedua: MAKTAB MARA (1965-1967)

Dewan Latihan RIDA telah ditukar nama kepada Maktab MARA pada bulan Jun 1965. Signifikan pertukaran nama ini adalah berkaitan dengan pengukuhan peranan dan tanggungjawab RIDA itu sendiri. Selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin memberi nafas baru dan aspirasi kepada pusat latihan tersebut, institusi ini telah diletakkan di bawah tanggungjawab MARA (Majlis Amanah Rakyat), malah telah menjadi sebuah unit terpenting bagi Bahagian Latihan MARA. Pertukaran nama ini juga menandakan yang institusi ini bukan lagi di bawah bidang kuasa RIDA. Pada tahun 1965, parti-parti politik dan Badan Bukan Kerajaan Melayu telah menganjurkan satu kongres Melayu gunanya untuk mencari kata sepakat bagaimana untuk meningkatkan pencapaian Bumiputera dalam bidang profesional. Antara sasaran Kongres tersebut dalam bidang profesional adalah seperti dalam jadual 1.

Jadual 1 : Sasaran Kongres Melayu 1965 Untuk Melahirkan Profesional Bumiputera

Pekerjaan	Melayu
Akauntan	940
Arkitek	470
Jurutera	940
Jurukur	-
Peguam	940
Jumlah	3,290

Walaupun tidak dapat dipastikan sejauh mana pelaksanaan strategi Kongres itu kepada peranan yang dimainkan oleh Maktab MARA, namun secara praktisnya Maktab MARA lah yang dijadikan sandaran kepada strategi sasaran tersebut. Ini dapat dibuktikan kepada pertambahan kursus-kursus professional yang dijalankan oleh Maktab MARA selepas Kongres tersebut.

Pada Tahun 1966, Maktab MARA telah mula menjalankan program Diploma Pengajian Perniagaan yang tersendiri dan mendapat pengiktirafan antarabangsa oleh Ealing Technical College of London sebagai pemeriksa luar, berikutan pemansuhan penawaran peperiksaan jarak jauh atau *External Exam* yang dikendalikan oleh *British Institute of Management*. Bagaimanapun, kursus-kursus yang berorientasikan negara Inggeris itu masih diteruskan, malah beberapa kursus profesional baru yang ditawarkan oleh badan antarabangsa giat ditambah antaranya termasuk yang ditawarkan oleh *Pitman Exam Institute*, *Association of Certified and Corporate Accounts (ACCA)*, *Corporation of*

Certified Secretaries, Institute of Statistician, Institute of Actuaries, Ealing Technical College, Institute of Transport, Purchasing Officers Association, Institute of Marketing, Institute of Credit Management and LLB. Program di akhir tahun 1960an ini telah bertambah dari 19 ke 40 dan terdapat 8 Bidang Kajian (Schools) untuk memudahkan pentadbiran.

Fasa Ketiga - Institut Teknologi MARA (1970 an -1990 an)

Fasa ketiga adalah merupakan fasa yang paling pesat pembangunan institusi ini. Dari sebuah kampus yang beroperasi dari Petaling Jaya ia berkembang seterusnya ke seluruh Negara. Penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) adalah selari dengan strategi Dasar Ekonomi Baru gunanya untuk meningkatkan taraf dan juga peluang pendidikan kepada golongan bumiputera. Perkembangan ini adalah selaras dengan aspirasi Perdana Menteri Malaysia yang Kedua iaitu Tun Abdul Razak sewaktu meletakkan batu asas ITM pada 14 Oktober 1967 dimana beliau menyebutkan

Di atas tanah yang seluas 100 ekar ini yang akan bertambah menjadi 300 ekar pada tahun 1969, MARA akan mencurahkan segala tenaga, fikiran dan kepercayaannya yang penuh bagi membangun dan mendirikan satu masyarakat Bumiputera yang berpelajaran, berilmu, berkemahiran dan berfikiran baru sebagai satu langkah tepat untuk mendatangkan kemajuan-kemajuan yang tertentu kepada rakyat Bumiputera kerana inilah punca segala usaha dan harapan kita bagi menambah beberapa kali ganda bagi tenaga manusia Bumiputera yang terlatih di dalam bahagian sains dan teknologi dan bermacam-macam profesion yang sangat mustahak dan perlu diadakan jikalau rakyat Bumiputera betul-betul hendak dapat mencipta perkembangan, kekuatan dan kemajuan dalam bidang perdagangan dan perusahaan, kemasyarakatan dan iktisad di dalam negeri ini.

Selepas dinaikkan taraf sebagai sebuah institut pada tahun 1976, 11 program baru telah ditambah dan pada ketika itu pelajar telah bertambah kepada 7,700 dan didokong oleh 601 ahli akademik. Ianya telah berkembang pesat dari tahun 1976 hingga 1986 yang mana dalam tempoh 10 tahun sahaja program akademiknya telah bertambah kepada 93 program dengan pelajar berjumlah 22,049 dan sokongan ahli akademik berjumlah 1,540. Pada ketika itu ITM telah mengakar ke seluruh negara dengan penubuhan cawangannya di 4 buah kampus iaitu Perlis, Trengganu, Sabah dan Sarawak (Ibrahim, 2006a).

Fasa Keempat – Universiti Teknologi MARA (Tahun 2000 keatas)

Selepas diisytiharkan sebagai sebuah universiti, UiTM terus mengembangkan peranannya sebagai:

1. pusat melahirkan graduan yang berkemahiran dan berketrampilan untuk menampung keperluan industri
2. pusat untuk menyuburkan percambahan ilmu di kalangan warga dalaman dan luaran
3. pusat untuk melatih mahasiswa memikirkan secara analitikal dan kritis, akan isu-isu yang membabitkan masa depan Negara dan mereka sendiri melalui kuliah yang dikendalikan secara berkualiti serta latihan praktikal, dan
4. rakan kerjasama dengan pihak industri dalam usaha untuk menjalin hubungan yang berkualiti secara bijaksana untuk memantapkan pasaran, sekaligus memberi peluang kepada tenaga kerja untuk mencari pekerjaan tanpa kesukaran (Ibrahim, 2006b).

Perkembangan pesat UiTM selepas diisytiharkan sebagai sebuah universiti adalah perkembangan dari sudut infrastruktur dan akademik. Sekarang ini terdapat 25 fakulti termasuk yang paling terkini iaitu Fakulti Pergigian disamping 12 buah kampus cawangan, 3 kampus satelit, 7 kampus Bandar dan 19 kolej yang berafiliasi dengan UiTM dengan jumlah pelajar melebihi 100,000. UiTM kini didokong oleh 4,899 staf akademik dan 5,412 staf pentadbiran.

UiTM dan Aspirasi Politik Negara

Mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi

Kemajuan dalam membasmi kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi menjadi teras dasar pembangunan negara semenjak merdeka. Dasar Ekonomi Baru telah berjaya meningkatkan rakyat yang berpendapatan sederhana (*middle income group*). Perkembangan kelas menengah, yang kini merupakan teras struktur sosial Malaysia juga menggambarkan kejayaan dasar-dasar ekonomi kerajaan. Kategori kelas menengah semakin bertambah dan pada tahun 1995 merupakan hampir separuh (47%) daripada keseluruhan pekerja yang berjumlah 3.7 juta orang (Saravanamuttu, 1992). Kejayaan negara mengurangkan kemiskinan mutlak amat jelas daripada statistik yang menunjukkan paras kemiskinan berkurangan dari 49.3% pada tahun 1970 sehingga 12.8% pada tahun 1993 dan kurang daripada 5.1% pada tahun 2002. Kedudukan UiTM telah memberikan sumbangan yang besar dalam mengujudkan kelompok *middle income* ini. Dengan kursus-kursus professional dan separa professional yang telah diujudkan semenjak 1970an

telah berjaya mengisi sumber pekerjaan dalam sektor industri, korporat dan juga sistem perbankan di negara ini.

Pendidikan dan Latihan

Membesarkan golongan pekerja ikhtisas dan pekerja mahir terutamanya dalam memajukan proses perindustrian. Melahirkan kategori perkhidmatan yang disebut sebagai *symbolic-analytic* (Ishak Shaari 1996), iaitu mereka yang terlibat dengan pengiklanan, pekerja media, peguam, orang-orang bank yang memiliki pendapatan lumayan. Kelompok Bumiputera telah mendapat pendidikan yang lebih baik. Dalam soal pendidikan ini, UiTM semenjak penubuhannya telah berjaya mengimbangi peluang pendidikan antara golongan bumiputera dan bukan bumiputera. Kalau dulu kuotanya adalah antara universiti awam tempatan. Namun begitu dengan perkembangan pesat pendidikan terutamanya selepas Akta IPTS diwujudkan pada tahun 1996, Institusi Pengajian Tinggi Swasta telah tumbuh dengan pesatnya. Pada Disember 2003, terdapat lebih daripada 536 buah IPTS berdaftar yang mengandungi 11 buah universiti, 5 kolej universiti, 7 kampus cawangan universiti dengan mempunyai 314,344 pelajar (Zainuddin, 2004).

Dengan jumlah pelajar Bumiputera yang tidak sampai 20% di IPTS, kehadiran UiTM sebagai universiti yang mempunyai jumlah bilangan pelajar yang banyak boleh mengimbangi kedudukan kaum dari segi pendidikan tinggi. UiTM sendiri boleh mengadakan *strategic alliance* dengan IPTS bumiputera untuk meningkatkan lagi jumlah pelajar-pelajar bumiputera. Dengan sasaran jumlah pelajar berjumlah 200,000, ia hanya boleh ditampung dengan kehadiran IPTS bumiputera dan sudah tentu strategi ini adalah baik memandangkan ia berperanan sebagai serampang dua mata iaitu membanyakkan pelajar bumiputera dan sekaligus menghidupkan IPTS bumiputera.

Meningkatkan Pembangunan Luar Bandar

Usaha memajukan kawasan desa adalah merupakan prioritas kerajaan sekarang ini. UiTM boleh membantu mengimbangi dasar ini dengan lokasi sejumlah besar cawangannya di kawasan luar bandar. Kedudukan UiTM seperti di Jengka, Kuala Pilah, Machang, Sri Iskandar, Segamat, Arau dan lain-lainnya telah berjaya membantu kejayaan dasar ini. Pembaharuan radikal di kawasan desa boleh melonjakkan lagi pembangunan luar bandar.

Selari dengan dasar Perdana Menteri sekarang ini iaitu Datuk Sri Abdullah Ahmad Badawi dalam meningkatkan ekonomi luar bandar, satu proses

transformasi masyarakat desa yang mengarah kepada wujudnya keseimbangan masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar dan membawa peralihan sektor luar bandar daripada bersifat tradisional dan berdaya pengeluaran rendah kepada bersifat moden dan berdaya pengeluaran tinggi. Usaha pembangunan manusia di kawasan luar bandar harus dipertingkatkan agar memastikan kualiti tenaga kerja di luar bandar berada pada tahap yang tinggi. Dengan sendirinya ia boleh berjaya melahirkan manusia yang berupaya menangani cabaran dalam sebuah negara industri maju dan moden pada masa depan. Dengan lokasi UiTM dan beberapa program akademik UiTM yang berteraskan kepada pembangunan luar bandar boleh membantu mengimbangi pembangunan ini.

Jadual 2 Jumlah Graduan UiTM Berdasarkan Kampus (1958-2006)

KAMPUS	JUMLAH GRADUAN
1. Shah Alam	171,607
2. Perlis	18,590
3. Kedah	3,084
4. Pulau Pinang	2,302
5. Perak	13,227
6. Negeri Sembilan	217
7. Melaka	12,900
8. Johor	13,815
9. Pahang	11,274
10. Trengganu	16,674
11. Kelantan	7,731
12. Sabah	7,148
13. Sarawak	10,731
14. Kolej Bersekutu	5,863
JUMLAH KESELURUHAN	295,163

Hubungan antara kaum

Walaupun keadaan kaum di Malaysia jauh lebih kompleks berbanding dengan negara lain, Malaysia telah berjaya mewujudkan suasana masyarakat yang jauh lebih aman dan damai. Usaha untuk mengimbangi kepentingan masyarakat peribumi dan bukan peribumi amat ketara dalam bidang ekonomi. Perlindungan yang diberi melalui beberapa fasal dalam Perlembagaan Malaysia yang disebutkan sebagai Hak Istimewa Bumiputera. Tanpa hak ini kemungkinan besar masyarakat Bumiputera tidak dapat mencapai

kemajuan dalam beberapa bidang ekonomi dan sosial, termasuk pengajian tinggi, ikhtisas, perniagaan dan perindustrian. Melalui proses mengimbangi kepentingan golongan yang tercicir di masa silam dengan kepentingan golongan yang lebih mantap kedudukan ekonominya masa kini, kerajaan telah berjaya berlaku adil kepada kedua-dua pihak (Syed Ahmad Hussein et al., 1979). Penubuhan UiTM adalah merupakan aspirasi kepada perlindungan hak bumiputera ini.

Rumusan

Sesungguhnya di dalam Penstrukturan Semula UiTM 2001-2010, UiTM telah menggariskan beberapa pembangunan yang dinamik untuk melahirkan golongan professional dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Dengan strategi untuk membangkitkan aspek-aspek kemanusiaan yang melibatkan perubahan minda, sikap, rasa kesedaran, kesyukuran, semangat, nilai dan etika, kejujuran serta kesungguhan untuk benar-benar menjayakan sebuah universiti yang sangat jelas peranannya dalam pembangunan bangsa dan negara (Ibrahim, 2004). Dengan unjuran enrolmen pelajar UiTM 2003-2010 yang akan meningkat sebanyak 21.9% dalam jangkamasa tujuh tahun atau 3.1% setahun, maka UiTM akan dijangka mempunyai 120,000 pelajar. Angka ini saja sudah cukup untuk menjelaskan lagi peranan UiTM sebagai pengimbang kepada pembangunan negara.

UiTM boleh melihat kebelakang dengan penuh kebanggaan. Sepertimana yang disebutkan oleh Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor kini dalam merayakan Ulangtahun yang ke 50 penubuhan UiTM

Fifty years is but a moment in the affairs of mankind. Fifty years will not erase a millennium of ignorance and neglect. Nevertheless, because of UiTM, fifty years has bought the Bumiputras of this blessed and a springboard, or launch pad, for them to join the ranks of successful, educated and socially mobile citizens with a first class mindset. They can be described as hallmarks of excellence; examples of extraordinary contributions to socio-economic development. That is why we can look back on the past fifty years with pride, for no other institution has been so completely focused on contributing to socio-economic development as UiTM has been.

Rujukan

- Ariffin Omar. 2003. Origins and Development of the Affirmative Policy in Malaya and Malaysia : A Historical Overview. *Kajian Malaysia* Vol XXI, Nos 1 dan 2.
- Azizan Bahari dan Chandra Muzaffar. 1996. *Keadilan Sosial*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Ibrahim Abu Shah. 2006a. *Driving Socio-Economic Development Through Education*, Shah Alam: UPENA.
- Ibrahim Abu Shah. 2006b. Modal Insan Melayu – Peranan Universiti Teknologi MARA dalam Zahid Ali Ahmed (ed), *Tinjauan Ekonomi Melayu : Isu, Cabaran dan Prospek*. Kuala Lumpur: Yayasan kajian dan Strategi Melayu.
- Mahathir Mohamed. 1991. *The Way Forward*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Shad Saleem Faruqi. 2003. 'Affirmative Action Policies and the Constitution' dalam UiTM Shah Alam *Kajian Malaysia*, The Bumiputera Policy: Dynamics and Dilemmas, Vol XXI, No. 1 dan 2.
- Saravanamuttu, Johan. 1992. The State, Ethnicity and the Middle Class Factor : Addressing Nonviolent, Democratic Change in Malaysia. Dalam Kumar Rupesinghe, ed. *Internal Conflict and Governance*. New York: St. Martin Press.
- Syed Ahmad Hussein Mansor Marican (ed.) 1979. *Integrasi Politik*. DBP : Kuala Lumpur.
- Syed Omar Syed Agil. 1996. *Malaysia Di Ambang ke 21. Kemahuan Untuk Berubah. Prasyarat Menuju Malaysia Maju Tahun 2020*. Selangor: Inmind.
- Universiti Teknologi Mara. 2004. *Penstrukturan UiTM 2001-2010*. Shah Alam: UiTM.
- Zainuddin Abdullah. 2004. Pembangunan Pendidikan Tinggi : Isu dan Cabaran. Dibentangkan dalam Kursus PTK Kumpulan 47, Hotel Quality, 18-30 Oktober 2004.